

Just Good Work Malaysia

Soalan Lazim

Versi: 28 Julai 2023

LATAR BELAKANG

1. Apakah itu Just Good Work?

Just Good Work ialah aplikasi percuma untuk berhubung dengan pekerja dan memaklumkan mereka akan hak mereka sebagai pekerja. Ia juga adalah alat untuk melaksanakan perekrutan pekerja secara bertanggungjawab.

Just Good Work dipercayai oleh 41,000+ pekerja dan 95 perniagaan di dalam 31 negara.

2. Siapakah yang mencipta Just Good Work Malaysia?

Perusahaan sosial [Fifty Eight](#) adalah pihak yang bertanggungjawab dalam mencipta dan menyelenggara Platform Just Good Work. Aplikasi ini telah [diperkenalkan dalam industri getah](#) Malaysia dari tahun 2020 sehingga Mei 2021 hasil kerjasama Ethical Trading Initiative, Our Journey dan Fifty Eight. Bermula daripada Disember 2021, aplikasi ini akan dirintiskan ke dalam sektor pengeluaran minyak kelapa sawit dan pembuatan pakaian melalui projek MY Voice yang boleh digunakan untuk:

- Melibatkan serta memaklumkan hak pekerja ;
- Mengukuhkan suara pekerja di dalam sistem pengurusan dan rangka prestasi buruh di dalam syarikat;

➔ Maklumat lebih lanjut boleh didapati di Soalan No. 3 di bawah.

3. Apakah itu projek MY Voice?

MY Voice adalah projek yang dibiayai oleh Jabatan Buruh Amerika Syarikat di bawah perjanjian koperasi nombor IL-37321-21-75-K. Objektif keseluruhan adalah untuk mengurangkan risiko buruh paksa dan buruh kanak-kanak di dalam sektor pengeluaran minyak kelapa sawit dan pembuatan pakaian di Malaysia. Tempoh projek ini bermula dari Disember 2021 hingga Mei 2026. Rakan projek adalah seperti berikut:

- Ketua dan penerima geran utama: Social Accountability International (SAI)
- Rakan pelaksanaan dan sub penerima geran:
 - Proforest
 - Our Journey
 - The Centre for Child Rights and Business

➔ Maklumat lebih lanjut boleh didapati di <https://myvoiceproject.org/>

4. Apakah kaitan Just Good Work dengan MY Voice?

Just Good Work digunakan sebagai alat untuk;

- Mengukuhkan suara pekerja. Ini adalah untuk syarikat perniagaan yang berminat untuk terlibat dengan projek MY Voice; dan



With support from The Centre for Child Rights & Business, Our Journey, and Proforest.

- b) Latihan terutamanya, untuk pekerja migran. Ia adalah boleh digunakan oleh kesatuan sekerja, komuniti mirgan dan organisasi masyarakat sivil.

Aplikasi ini boleh digunakan untuk :

- a) Membantu pekerja dalam perjalanan proses migrasi mereka
- b) Menyediakan peluang strategik kepada perniagaan untuk menggabungkan sistem pengurusan pematuhan sosial dengan penglibatan pekerja.

5. Di manakah saya boleh mendapatkan Just Good Work?

Anda boleh muat turun di Google Play atau Apple store, dengan mencari 'Just Good Work' atau tekan <https://onelink.to/jgwmyvoice> untuk muat turun.

CIRI DAN FUNGSI UTAMA

6. Apakah jenis peranti yang boleh digunakan untuk aplikasi Just Good Work?

Aplikasi ini boleh didapati pada Android, dan iOS tetapi bukan tablet.

7. Adakah Just Good Work memerlukan kad sim untuk dimuat turun atau digunakan?

Tidak, anda boleh memuat turun dan menggunakan aplikasi dengan atau tanpa kad sim.

8. Adakah Just Good Work memerlukan pendaftaran untuk dimuat turun atau digunakan?

Tiada pendaftaran pengguna diperlukan. Aplikasi ini boleh digunakan tanpa nama.

9. Dalam bahasa apakah Just Good Work boleh didapati?

Aplikasi ini boleh didapati di dalam 9 bahasa, iaitu Inggeris, Melayu, Tamil, Indonesia, Burma, Bengali, Nepal, Hindi dan Vietnam.

10. Adakah pekerja atau syarikat perlu membayar untuk menggunakan Just Good Work?

Aplikasi ini adalah percuma untuk dimuat turun oleh sesiapa sahaja. Syarikat perniagaan mempunyai pilihan untuk mengubahsuai aplikasi supaya selari dengan dengan keperluan syarikat dan rantaian bekalan, termasuklah agensi perekrutan. Sila rujuk bahagian 'Just Good Work untuk Perniagaan' di bawah untuk keterangan lanjut.

11. Adakah aplikasi boleh dimuat turun dan digunakan di luar Malaysia?

Good Work ini boleh dimuat turun dan digunakan secara percuma di mana-mana negara.

12. Adakah banyak data diperlukan untuk memuat turun dan menggunakan Just Good Work?

Aplikasi ini menggunakan data sedikit untuk dimuat turun. Selepas dimuat turun, pekerja boleh menggunakan aplikasi ini di luar talian.

13. Apakah kandungan Just Good Work?

Aplikasi ini ialah platform mudah alih dengan ciri dan fungsi berikut:

- a) Maklumat untuk pekerja
 - Tersedia dalam format teks dan audio
 - Mengandungi maklumat utama yang meliputi perjalanan penghijrahan pekerja, bermulanya dari pengambilan pekerja sehingga pulang ke negara asal.
 - Maklumat termasuk: sebelum pelepasan, undang-undang buruh Malaysia dan undang-undang berkaitan, cara untuk mengemukakan aduan di tempat kerja, budaya, perbankan dan sebagainya.
 - Terpakai untuk semua sektor.
- b) Pelaporan mekanisme aduan melalui butang dalam aplikasi atau talian hotline atau e-mel.
- c) Simpan salinan dan/atau gambar dokumen penting seperti kontrak pekerjaan, slip gaji, resit dan lain lain. Sila lihat bahagian bawah bertajuk 'Polisi Data Just Good Work' untuk keterangan lebih lanjut.
- d) Soalan dalam talian sebagai rujukan pekerja untuk mendapatkan maklumat secepat mungkin.
- e) Pemesejan pelbagai bahasa, maklum balas dan tinjauan dengan pekerja.

14. Apakah penambahbaikan utama yang dibuat oleh Projek MY Voice untuk aplikasi ini?

Penambahbaikan utama aplikasi Just Good Work adalah:

- a) Mengemas kini segala maklumat berkenaan perubahan perundangan yang terbaru di Malaysia. Ini termasuk:
 - Akta Kerja (Pindaan) 2022
 - Perintah gaji Minimum 2022
 - Akta Anti-gangguan Seksual 2022
- b) Menambah maklumat berkenaan :
 - Untuk pekerja di Sabah dan Sarawak
 - Buruh paksa dan buruh kanak-kanak
- c) Memperkenalkan bahasa Tamil (format teks and audio) ke dalam aplikasi.
- d) Penambahbaikan kepada struktur kandungan dan ilustrasi.


PELAPORAN MEKANISME ADUAN JUST GOOD WORK**15. Siapakah yang menguruskan mekanisme aduan dan laporan?**

Our Journey, sebuah NGO berpangkalan di Malaysia, akan menguruskan mekanisme aduan dan laporan.

16. Siapakah Our Journey?

Our Journey adalah organisasi masyarakat sivil berdaftar di Malaysia yang terletak di Kuala Lumpur, Malaysia. Telah ditubuhkan pada tahun 2017, Our Journey:

- Mempunyai lebih 13 tahun pengalaman dan kepakaran dalam undang-undang migran dan buruh, dan sering terlibat dalam perundingan dengan kerajaan Malaysia dan serantau berkenaan isu-isu berkaitan.
 - Menyediakan bantuan undang-undang dan bantuan lain kepada migran, pelarian, dan mereka yang bukan berwarga negara Malaysia secara percuma.
 - Salah satu organisasi peneraju yang terlibat dalam perintis Just Good Work untuk industri getah pada tahun 2020 hingga Mei 2021.
- 17. Apakah bantuan yang Our Journey boleh berikan?**
Our Journey boleh membantu pekerja dalam beberapa perkara berikut: :
- a) Pertanyaan umum tentang kehidupan dan pekerjaan (termasuk isu buruh) di Malaysia.
 - b) Masalah peribadi atau tempat kerja.
- 18. Apakah jenis sokongan yang boleh diberikan oleh Our Journey kepada pekerja?**
Secara umumnya, Our Journey mengutamakan sokongan untuk isu buruh pekerja asing. Our Journey akan berbincang dengan pekerja dalam menentukan penyelesaian terbaik untuk permasalahan yang dihadapi.
- 19. Bolehkah pekerja menghantar laporan atau pertanyaan dalam bahasa mereka sendiri?**
Ya, boleh. Our Journey bekerjasama dengan Ketua Komuniti Pekerja Migran untuk komuniti Bangladesh, Indonesia, Nepal, Tamil, Burma dan Vietnam. Ketua akan membantu dalam menterjemah dan memproses pertanyaan dan laporan pekerja migran.
- 20. Adakah pekerja boleh mengemukakan aduan tanpa nama?**
Hanya Our Journey mempunyai akses terhadap laporan aduan dan tidak akan mendedahkan sebarang butiran laporan tanpa mendapatkan persetujuan pihak terjejas terlebih dahulu. Akan tetapi, Our Journey perlu mendapatkan maklumat lebih lanjut untuk memberikan bantuan.
- 21. Siapakah yang mempunyai akses terhadap laporan aduan?**
Hanya Our Journey mempunyai akses terhadap laporan aduan dan tidak akan mendedahkan sebarang butiran laporan tersebut tanpa mendapatkan persetujuan pihak terjejas terlebih dahulu.
- 22. Bagaimanakah Our Journey menguruskan laporan aduan?**
- a) Our Journey akan cuba untuk membantu pekerja dan majikan untuk menyelesaikan masalah secara dalaman terlebih dahulu. Prosesnya adalah seperti berikut:



- b) Kerahsiaan adalah teras pendekatan Our Journey:*
- Our Journey tidak akan mendedahkan butiran peribadi pekerja kepada majikan atau mana-mana pihak lain, melainkan pekerja telah bersetuju untuk berbuat demikian.
 - Our Journey tidak mendedahkan butiran laporan aduan kepada mana-mana pihak lain.

➡ *Perkara ini adalah berbeza dan bergantung pada faktor lain seperti; (i) jenis aduan (ii) niat pekerja dan (iii) kesanggupan majikan untuk bekerjasama dengan Our Journey untuk menyelesaikan isu berkaitan.

23. Adakah pekerja akan menerima kemas kini tentang laporan aduan dan jika ya, bagaimana?

Ya, Our Journey akan memaklumkan sebarang kemas kini berkenaan laporan dibuat. Seorang wakil dari pihak Our Journey akan menghubungi pekerja melalui butiran yang diberikan.

JUST GOOD WORK UNTUK PERNIAGAAN

24. Bagaimanakah Just Good Work membantu syarikat perniagaan?

- Menyediakan peluang strategik perniagaan untuk menyatukan sistem pematuhan sosial dan penglibatan pekerja.
- Memperkuhkan perekrutan pekerja secara bertanggungjawab.
- Memperbaiki dialog pengurusan pekerja.
- Menjimatkan masa untuk isu-isu pertikaian di tempat kerja.
- Memaklumkan pekerja tentang hak dan kewajiban mereka di bawah undang-undang berkaitan dan perjanjian kolektif. _

- f) Elakkan pembayaran yuran berlebihan terhadap pekerja pada peringkat awal perekrutan dan sebarang masalah yang mungkin dihadapi dalam proses tersebut.

25. Apakah keunikan Just Good Work?

- a) Bukan sekadar alat mekanisme aduan- aplikasi ini membantu dalam mencegah dan mengurangkan risiko buruh paksa bermulanya daripada perekrutan pekerja. Aplikasi ini memperkasakan pekerja dengan maklumat penting berkenaan hak mereka dan proses perekrutan, sekali gus membantu pekerja membuat pilihan yang termaklum dan mengelakkan pembayaran yuran berlebihan dalam proses tersebut.
- b) Mempunyai kebolehskalaan dan kebolehcapaian kepada pekerja:
- Dari enam negara asal
 - Pelbagai tahap celik huruf
 - Semua sektor
 - Pada mana-mana peringkat perjalanan penghijrahan
 - Sebarang status dokumentasi
- c) Perlindungan yang kukuh untuk kerahsiaan dan kesulitan pekerja.
- d) Kepakaran dan pengalaman dalam mengendalikan aduan kes pekerja migran. Dengan kerjasama Ketua Komuniti Pekerja Migran, Our Journey dapat membina kepercayaan yang utuh dan penglibatan baik dengan pekerja.
- e) Kebolehsuaian dan potensi untuk kerjasama memandangkan maklumat dan/atau mekanisme aduan boleh disepadukan dengan alat lain, dan sebaliknya.
- f) Kandungan dan pemesejan yang boleh diubah suai mengikut keperluan syarikat atau industri.

26. Bagaimanakah syarikat saya boleh terlibat dengan aplikasi Just Good Work di bawah MY Voice, dan apakah perkara yang dirangkumi?

Persediaan untuk perintis projek adalah berbeza mengikut pada konteks operasi, keperluan dan sistem pengurusan dan syarat tersedia.

Pihak MY Voice berbesar hati untuk mengadakan mesyuarat untuk membincangkannya dengan lebih lanjut. Sila hubungi pasukan MY Voice di contact@myvoiceproject.org untuk mendapatkan maklumat lebih lanjut

27. Bolehkan Just Good Work diubah suai mengikut keperluan perniagaan tertentu?

Ya, syarikat perniagaan boleh memilih untuk mengubah suai kandungan aplikasi dan dasar pemesejan, keperluan kerja atau kersejahteraan dalam bahasa pekerja sendiri. Anda akan mempunyai akses kepada maklum balas secara langsung daripada pekerja dan analisa yang mendalam untuk memberi gambaran keseluruhan akan perkara yang merisaukan. Ini membolehkan perniagaan syarikat untuk mendapatkan sasaran atau memahami lebih akan keberkesanan intervensi.

Skop perintis di bawah projek MY Voice adalah didapati secara percuma di dalam Just Good Work. Walaubagaimanapun, pilihan untuk mengubah suai boleh juga boleh didapati. Sila hubungi kami di contact@myvoiceproject.org untuk maklumat lebih lanjut.

JUST GOOD WORK UNTUK KESATUAN SEKERJA, ORGANISASI MASYARAKAT SIVIL DAN KOMUNITI MIGRAN

28. Bagaimanakah Just Good Work boleh membantu Kesatuan Sekerja, Organisasi Masyarakat Sipil dan Komuniti Migran?

JGW boleh didapati dalam 9 bahasa yang boleh digunakan untuk meningkatkan dan memudahkan aktiviti program bantuan dan latihan bersama pekerja tempatan dan migran. Contohnya, anda boleh menggunakan JGW sebagai alat untuk memaklumkan pekerja akan hak mereka.

Cara kesatuan boleh menggunakan JGW: Alat untuk latihan, penyebaran dan penterjemahan maklumat untuk pekerja asing. Sebagai contoh, berkongsi maklumat secara langsung dengan pekerja tentang syarat utama dalam perjanjian kolektif, akses kepada hotline dan butiran kesatuan.

Cara Organisasi Masyarakat Sipil menggunakan JGW: Tingkatkan kesedaran dalam kalangan pekerja asing mengenai hak buruh mereka, bantu pekerja berhubung dengan syarikat dan mengurangkan jurang komunikasi. Sebagai contoh, kongsi butiran keadaan kerja dengan pekerja dalam sektor berkaitan.

Cara Komuniti Migran menggunakan JGW:Boleh maklumat terkini dan tepat mengenai hak buruh dan segala sokongan yang diperlukan untuk pekerja asing dalam komuniti.

POLISI DATA JUST GOOD WORK

29. Adakah Just Good Work mengumpul maklumat peribadi pekerja?

Aplikasi ini tidak mengumpul apa apa maklumat peribadi, dan tidak memerlukan pendaftaran pengguna. Walaubagaimanapun, aplikasi memerlukan butiran demografi seperti umur, jantina, sektor pekerjaan untuk membantu meningkatkan perkhidmatan aplikasi dan pengalaman pekerja.

30. Siapakah yang mempunyai akses kepada dokumen yang dimuat naik oleh pekerja?

Hanya pekerja yang memuat naik dokumen akan dapat melihat dan mempunyai akses kepada dokumen yang dikongsi. Semua dokumen disimpan pada cloud storage peranti pekerja, contohnya Google atau Apple cloud.

31. Adakah pekerja boleh menghantar laporan aduan secara rahsia dan siapakah yang akan dapat akses untuk laporan tersebut?

Sila rujuk kepada bahagian 'Pelaporan Mekanisme Aduan Just Good Work ' di atas untuk keterangan lebih lanjut.



With support from The Centre for Child Rights & Business, Our Journey, and Proforest.

HUBUNGI KAMI

32. Siapakah yang harus saya hubungi jika saya ingin mengetahui lebih lanjut tentang Just Good Work atau Projek MY Voice?

Anda boleh hubungi contact@myvoiceproject.org. Seorang wakil dari pihak MY Voice akan menghubungi anda melalui butiran yang diberikan.

 myvoiceproject.org

 Project Director: Lai Jia Yen - jlai@sa-intl.org



Funding is provided by the United States Department of Labor under cooperative agreement number IL-37321-21-75-K. 100% of the total costs of the project is financed with USG federal funds, for a total of \$5,000,000 dollars. This material does not necessarily reflect the views or policies of the United States Department of Labor, nor does mention of trade names, commercial products, or organizations imply endorsement by the United States Government.